

Taib Mahmud terima pelantikan Yang DiPertua Negeri Sarawak
Astro Awani
28 February, 2014

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud menerima watikah pelantikan Yang Dipertua Sarawak hari ini.

Yang Dipertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah berkenan menyerahkan watikah pelantikan berkenaan.

Istiadat berlangsung di Dewan Singgahsana Kecil Istana Negara.

Antara yang hadir menyaksikannya ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan Satem.

Abdul Taib adalah Yang Dipertua Sarawak ketujuh menggantikan Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).

Source:: <http://www.astroawani.com/news/show/taib-mahmud-terima-pelantikan-yang-dipertua-negeri-sarawak-31020?cp>